

30 peratus kereta nasional kedua milik asing

SHAH ALAM 26 Jan. — Kerajaan telah memutuskan ekuiti 30 peratus dalam projek kereta nasional kedua dipegang oleh syarikat asing manakala selebihnya oleh pelabur tempatan.

Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang ditanya mengenai perkembangan terbaru mengenai projek tersebut berkata, perjanjian usahasama antara syarikat-syarikat terbabit dalam projek berkenaan telahpun ditanda tangani.

Katanya, berdasarkan laporan yang beliau terima, projek tersebut kini berjalan mengikut jadual dan beliau sendiri telah melihat serta berpuas hati dengan model kereta baru yang akan dikeluarkan itu nanti.

Tempatan

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan kilang PHN Industry Sdn. Bhd. di sini pagi ini, Perdana Menteri memberitahu, antara syarikat tempatan yang terbabit dengan projek kereta nasional kedua itu ialah Medbumikar Mara, Daihatsu (M) Sdn. Bhd., Permodalan Nasional Berhad.

Difahamkan sebuah lagi syarikat tempatan yang terlibat dalam projek kereta nasional kedua ialah UMW Holdings Berhad.

Dr. Mahathir memberitahu, pembinaan kilang pengeluaran kereta nasional kedua itu telahpun dimulakan.

Mengikut perancangan awal, kereta pertama projek ini dijangka dikeluarkan pertengahan tahun depan. Kereta nasional kedua, dengan keupayaan 660 cc dan berdasarkan model Daihatsu Mira, akan dibuat di satu kawasan di Serendah, Selangor.